

PERANAN MASJID DALAM MELESTARIKAN BUDAYA KEILMUAN

Earnie Elmie Binti Hilmi
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
Email: earnie@ums.edu.my

ABSTRAK

Umum mengetahui masjid sebagai tempat beribadah khusus bagi umat Islam semata-mata tanpa mengetahui sebenarnya peranan masjid lebih luas. Sejarah Islam membuktikan masjid bukan sahaja berperanan untuk melaksanakan ibadah khusus, tetapi juga umum seperti menyebarkan syiar Islam, pusat perkembangan ilmu, pusat sosial dan sebagainya. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji tentang peranan masjid dalam melestarikan pembudayaan ilmu dalam masyarakat Islam khususnya dan masyarakat Malaysia umumnya. Kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk pembuktian peranan masjid dalam melestarikan pembudayaan keilmuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masjid kini dijadikan sebagai hub pelestarian pembudayaan ilmu berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid-masjid. Hasil kajian ini membuktikan bahawa masjid bukan tempat ibadah khusus semata-mata tetapi sebagai pusat penyebaran ilmu melalui kepelbagaian aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Kata kunci: Masjid, ibadah, syiar Islam

1. Pengenalan

Masjid merupakan lambang perpaduan dan kesatuan umat Islam. Sejak zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat beliau, masjid dijadikan bukan sahaja tempat ibadah khusus tetapi sebagai tempat perniagaan, sosial, pendidikan dan sebagainya. Namun peredaran zaman menyebabkan masjid dianggap sebagai tempat untuk menunaikan ibadah khusus semata-mata. Terdapat sesetengah masjid apabila selesai urusan solat jamaah pada lima waktu, dikunci pintu dan pagarnya oleh Jawatankuasa masjid menyebabkan musafir atau orang ramai tidak dapat menggunakannya. Namun kini, masyarakat sudah menyedari bahawa kegunaan masjid bukan sahaja untuk ibadah khusus tetapi juga sebagai hub kepelbagaian fungsi. Masjid berperanan melestarikan bukan sahaja dalam ibadah tetapi juga pendidikan, dakwah, ekonomi dan sebagainya. Sesetengah masjid terutamanya di bandar dan pinggir bandar ada yang aktif melaksanakan aktiviti-aktiviti selain daripada ibadah khusus antaranya ialah dengan mengadakan seminar-seminar agama, kursus-kursus, ceramah agama, kelas Al-Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA), hari terbuka masjid dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

Selain daripada aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan, terdapat juga masjid yang mempunyai pusat penginapan untuk musafir, antaranya seperti Masjid Al-Aman di Kedah, masjid Wilayah, masjid al-Ghufran di Taman Tun Dr Ismail dan juga Masjid Osmaniah, Padang Besar, Perlis untuk kemudahan para musafi. Selain menjana ekonomi pengurusan masjid harga yang dikenakan juga munasabah dan tidak membebankan para musafir. Selain daripada kemudahan penginapan, masjid tertentu juga kemudahan lain seperti perpustakaan, bilik-bilik kuliah, gerai-gerai makanan, kedai runcit dan sebagainya. Hari terbuka masjid turut juga diadakan untuk membina hubungan antara pihak pengurusan masjid dan masyarakat sekitarnya terutama para belia. Pelbagai aktiviti diadakan untuk menarik masyarakat mendekati masjid dan juga untuk mewar-warkan kepada masyarakat bahawa masjid bukan sahaja digunakan untuk aktiviti ibadah tetapi juga kegiatan sosial. Disebabkan perkara ini masjid sangat bersesuaian untuk dijadikan hub pendidikan selaras dengan Sejarah yang menunjukkan masjid dijadikan sebagai pusat untuk penyebaran ilmu-ilmu Islam khususnya. Kertas kerja ini akan membincangkan peranan masjid dalam melestarikan budaya keilmuan yang membawa kepada kecemerlangan tamadun masyarakat Islam.

2. Metodologi

Pendekatan kualitatif digunakan dalam artikel ini berdasarkan kesesuaian persoalan kajian (Grix 2004). Persoalan kajian artikel ini ialah untuk melihat sejauhmana masjid berperanan untuk melestarikan budaya keilmuan dalam masyarakat Islam. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah analisis kandungan. Dokumen-dokumen yang dianalisis melibatkan artikel, buku, prosiding dan bahan rujukan akademik yang lain bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu melihat peranan masjid dalam melestarikan budaya keilmuan.

3. Definisi masjid

Masjid merupakan kata terbitan dari kata dasar *sajada* bermaksud tempat sujud atau rumah tempat didirikan solat (Zulkiflee et.a; 2008). sebagaimana dalam *Kamus Dewan* (2015) merujuk kepada bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Manakala dalam *Kamus Cambridge* (2024) mendefinisikan masjid dengan bangunan untuk aktiviti dan ibadah bagi agama Islam. Aziz (2019) menyatakan masjid adalah tempat berhimpun umat Islam untuk menunaikan ibadah dan ritual agama di sesebuah kariah. Kesimpulan dari definisi-definisi ini masjid membawa maksud tempat untuk umat Islam beribadah.

4. Peranan Masjid

Masjid memainkan peranan penting dalam sejarah umat Islam. Peranan masjid sejak daripada zaman Rasulullah s.aw hingga ke zaman kini, antaranya ialah sebagai:

1. Pusat ibadah
Fungsi utama masjid adalah untuk umat Islam melakukan solat berjamaah lima waktu, menunaikan solat sunat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha serta aktiviti-aktiviti ibadah yang lain seperti mengadakan korban, majlis bersunat dan lain-lain.
2. Pusat ekonomi
Selain daripada tempat melakukan ibadah, masjid juga berfungsi sebagai pusat penjaan ekonomi antaranya ialah rumah penginapan musafir (Noor Fiteri 2013), kiosk, kedai runcit, kedai makan, kedai buku dan yang seumpama dengannya.
3. Pusat pendidikan
Sesetengah masjid mengadakan kelas al-Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA) di dalam masjid ataupun dalam kawasan masjid seperti Masjid Universiti Malaysia Sabah, masjid Negeri Sabah dan Masjid Likas di Kota Kinabalu, Sabah. Sesetengah masjid juga mengadakan kuliah-kuliah yang berkaitan dengan pendidikan .
4. Pusat kegiatan sosial
Kegiatan-kegiatan sosial seperti mengadakan sesi kaunseling, bantuan perubatan awal seperti peti kecemasan yang lengkap dan kursus-kursus yang dapat membantu ahli kariah seperti kursus menjahit, memasak dan sebagainya (Muhammad Uthman el-Muhammady 2020).
5. Pusat pelancongan
Masjid juga dijadikan sebagai tempat menarik untuk dilawati oleh para pelancong muslim dan non muslim. Sebagai contoh masjid negara yang menjadi tumpuan para pelancong dari luar negara untuk mengunjunginya dengan beberapa syarat dan peraturan.

6. Pusat Kaunseling
Menurut Siti Halimah dan Dg Hafizah (2012), masjid juga berperanan dalam menjadi pusat kepada masyarakat untuk mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling. Walaupun terdapat tempat untuk mendapatkan khidmat kaunseling dan nasihat dari agensi tertentu, namun masyarakat selesa untuk mendapatkan nasihat dan kaunseling daripada Imam dan Jawatankuasa atau kakitangan masjid.
7. Pusat Dakwah
Kegiatan-kegiatan dakwah juga diadakan di masjid dengan penganjuran ceramah atau seminar yang berkaitan dengan isu-isu semasa dan cara menanganinya.
8. Pusat Kemudahan masyarakat setempat
Menurut Asmak dan Cik Hashim (2008), masjid perlu menjadi pusat kemudahan setempat dengan wujudnya kemudahan-kemudahan seperti kedai dobi, mesin pengeluaran wang, kedai membaiki motorsikal, komputer, telefon dan lain-lain untuk menarik masyarakat ke masjid terutamanya belia.

Poin di atas merupakan antara peranan-peranan masjid yang wujud dan perlu wujud dalam masyarakat Islam untuk menjadikan masjid sebagai pusat komuniti dan juga mesra masyarakat. Kertas kerja ini hanya akan memfokuskan peranan masjid dalam melestarikan budaya keilmuan.

5. Masjid sebagai pusat perkembangan ilmu

Masjid memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu-ilmu (Zulkiflee et.al 2008) khususnya ilmu-ilmu Islam (Mohd Yusuf 2010). Peranan masjid sebagai pusat pendidikan dilihat sejak dari zaman Rasulullah s.aw serta zaman para sahabatnya. Masjid Quba, Mirbad dan Nabawi dijadikan pusat pendidikan Islam. Rasulullah s.a.w telah memberi khutbah dan membentuk halaqah bersama para sahabatnya pada zaman tersebut di Masjid Quba' dan masjid-masjid lain (Muhammad Talhah dan Sahrul Fitry 2019).

Masjid masa kini kebanyakannya lesu dan sunyi kecuali beberapa masjid di sekitar bandar dan daerah yang aktif (Mohd Ismail 2017). Disebabkan itu, seharusnya masjid diperkasakan untuk menjadi pusat perkembangan ilmu (Nor Azlina et al. 2017) iaitu pendidikan formal dan non-formal masyarakat Islam (Ab Halim 2021). Pemeraksanaan ini seharusnya dijalankan secara optimum memandangkan pembinaan masjid rancak di bina dalam masyarakat kita (Annuar Ramadhon 2023). Menurut statistik, pembinaan masjid dan surau makin meningkat dari tahun ke tahun di Malaysia (<https://ydata.iyres.gov.my>).

Nor Azlina et.al (2017) mencadangkan masjid dijadikan pusat keilmuan dan pusat kegiatan keislaman terutamanya bagi kawasan-kawasan yang jauh daripada bandar. Masjid juga dikenali dengan penganjuran kuliah-kuliah agama, forum, ceramah, seminar, mengaji al-Qur'an dan seumpama dengannya. Selain daripada itu juga terdapat masjid mengadakan kelas KAFA di dalam masjid ataupun bangunan yang dibina dalam kawasan masjid. Untuk melestarikan masjid sebagai hab dalam pendidikan, terdapat beberapa cadangan untuk memperkasakan lagi peranan masjid dalam bidang pendidikan, iaitu:

1. Memperkasakan pengajian al-Qur'an dan Hadis di masjid. Menurut Noor Azlina et.al (2017), pengajian al-Qur'an dan Hadis di masjid-masjid perlu diperkasakan lagi dengan bukan sahaja pengajian al-Qur'an dan Hadis semata-mata tetapi juga pengajian tafsir, makna agar masyarakat dapat

faham dan mengamalkannya dalam kehidupan. Modul pengajian juga harus disusun dengan lebih teratur agar silibusnya mencangkupi semua aspek iaitu Iman, Islam dan Ihsan.

2. Masjid perlu dijadikan ‘makmal pendidikan rohani’ dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam bagi sekolah-sekolah yang berdekatan dengan masjid. Penilaian amali perlu dilakukan di masjid agar praktikalnya dapat dilakukan dengan lebih baik dan pendedahan situasi sebenar kepada pelajar (Ab Halim 2021). Menurut beliau lagi, dengan wujudnya makmal pendidikan rohani ini, suasana suram dan sunyi di masjid pada waktu siang dapat dihidupkan. Selain daripada itu, pendedahan kepada masjid dapat dilakukan awal kepada para pelajar. Terdapat juga masjid-masjid yang menawarkan pengajian KAFA di dalam masjid atau di kawasan masjid. Makmal pendidikan rohani yang disarankan Ab Halim dapat dilaksanakan oleh pelajar-pelajar KAFA ini kerana mereka disarankan untuk solat berjemaah apabila sampai waktunya. Cuma, makmal pendidikan rohani ini boleh dikembangkan untuk pendidikan peringkat menengah atau peringkat tinggi.

3. Asmak dan Cik Hashim (2008) mencadangkan pihak pengurusan masjid bekerjasama dengan institusi-institusi tertentu untuk melaksanakan kursus jangka pendek yang dapat membantu masyarakat setempat mendapatkan ilmu terutamanya belia. Wujudnya kursus-kursus jangka pendek ini menyebabkan belia Islam tidak membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Selain daripada itu, kursus-kursus jangka pendek ini juga amat membantu belia yang berada jauh di pedalaman dari pusat-pusat pengajian untuk mendapatkan pendidikan yang membantu mereka sedikit sebanyak dapat menghadapi dunia globalisasi sekarang. Antara kursus-kursus yang boleh ditawarkan seperti kursus asas komputer, asas multimedia, teknologi maklumat dan seumpama dengannya. Setelah tamat kursus-kursus ini, para pelajar diberikan dengan sijil yang dapat membantu mereka memperolehi pekerjaan atau menyambung pengajian.

4. Perpustakaan di masjid perlu di wujudkan atau diperkasakan sekiranya sudah ada. Menurut Uthman el-Muhammady (2013) dan Mohd Ariffin (2023), perpustakaan masjid perlu diwujudkan dan diperkasakan untuk dijadikan pusat rujukan oleh komuniti setempat. Perpustakaan tersebut bukan sahaja mempunyai al-Qur’an, surah Yaasin dan kitab-kitab agama, tetapi juga buku-buku yang berkaitan dengan sosial, politik, ekonomi, pemikiran, teknologi, pertanian dan sebagainya. Bahan-bahan rujukan terkini juga perlu ada mengenai ideologi semasa yang menjadi ancaman kepada masyarakat Islam. Bahan rujukan di perpustakaan masjid perlu dikemaskini dari semasa ke semasa agar bersesuaian dengan keadaan semasa. Perpustakaan masjid penting untuk kemajuan dan Pembangunan umat Islam di zaman globalisasi. Perancangan dan penyusunan perpustakaan masjid perlu untuk mengembalikan kegemilangan masyarakat Islam seperti zaman dahulu.

5. Memperkasakan kuliah-kuliah agama yang selalu dijalankan di masjid. Selain daripada tumpuan kepada pembaikan ibadah, kuliah-kuliah agama yang diadakan di masjid seharusnya mewacanakan aliran-aliran pemikiran yang mengancam pemikiran umat Islam seperti liberalisme, pluralisme, materialisme dan aliran seumpama dengannya agar masyarakat peka dengan situasi semasa yang berlaku dan menghindarnya.

6. Muhammad Uthman el-Muhammady (2020) mencadangkan agar fasiliti-fasiliti di masjid perlu diwujudkan dan sekiranya sudah ada perlu diperbaiki lagi, antaranya ialah bilik-bilik kuliah, dewan persidangan yang lengkap peralatannya seperti sistem pengudaraan yang baik, audio, multimedia dan sebagainya. Wujudnya fasiliti-fasiliti begini, aktiviti-aktiviti keilmuan dapat dijalankan dengan lebih rancak dan dapat memberikan keselesaan kepada para penuntut ilmu.

7. Memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran. Mohd Yusuf (2010) mencadangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran di masjid dipelbagaikan. Pengajar disarankan menggunakan alat bantu mengajar ketika mengajar untuk menarik minat pelbagai golongan. Antara alat bantu mengajar yang boleh digunakan untuk memberikan kefahaman yang jelas kepada pendengar ialah papan putih dan pen, paparan hablur cecair (LCD) dan sebagainya.

Semoga dengan cadangan-cadangan pemeraksanaan pendidikan ini, masjid dapat dijadikan pusat pendidikan yang aktif dan dapat menarik masyarakat terutamanya remaja dan belia. Kehadiran remaja dan belia di masjid dapat memecahkan stigma masyarakat yang menganggap masjid hanya untuk golongan berumur dan pencen semata-mata. Wujudnya pengajaran dan pembelajaran interaktif menyebabkan jamaah tanpa mengira umur berminat untuk mempelajari ilmu yang diadakan di masjid. Serta dengan penggunaan silibus, kaedah pengajaran dan bersesuaian serta capaian kepada kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, dewan kuliah yang lengkap dapat menjadikan pendidikan di masjid menarik dan selesa.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, tidak dinafikan masjid merupakan lambang dan syiar bagi masyarakat Islam serta tempat yang penting bagi masyarakat Islam sejak dulu hingga kini. Masjid bukan sahaja berperanan sebagai pusat ibadah khusus umat Islam, tetapi juga berperanan sebagai pusat ekonomi, pendidikan, kegiatan sosial, perlancongan, kaunseling, dakwah serta pusat kemudahan masyarakat setempat. Fungsi masjid yang aktif sejak dari zaman Rasulullah perlu dikembalikan dalam masyarakat. Pemeraksanaan masjid perlu dilakukan secara aktif dalam dunia globalisasi ini. Masjid sebagai hab pendidikan perlu dilaksanakan beberapa perkara tersebut, antaranya ialah memperkasakan pengajian al-Qur'an dan Hadis, sebagai makmal pendidikan Islam, mewujudkan kursus-kursus jangka pendek, mewujudkan perpustakaan, memperkasakan isi-isi kuliah-kuliah agama, memperbaiki fasiliti-fasiliti masjid serta memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pembudayaan keilmuan di masjid dapat dijalankan melalui kerjasama dan keterlibatan semua pihak iaitu ahli masyarakat, Jawatankuasa Masjid dan pihak Kerajaan. Tidak mustahil masjid kembali aktif dengan kepelbagaian aktiviti-aktiviti seperti zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya serta pada zaman kegemilangan Islam.

7. Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. (2021). Konsep dan Pelaksanaan Fungsi Masjid dalam Memartabatkan Masyarakat. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 1(1), 1–12. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v1i1.11>
- Asmak Hj Ali dan Cik Hashim Mat Said. (2008). Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. Dlm. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi. *Fungsi dan peranan masjid dalam masyarakat Hadhari*, hlm29-46. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Aizan Ali @ Mat Zin. (2024). Masjid hab ibadah, pendidikan dan sosialisasi <https://www.hmetro.com.my/amp/addin/2024/02/1064253/masjid-hab-ibadah-pendidikan-dan-sosialisasi>.
- Annuar Ramadhon Kasa. (2023). Mengoptimumkan Peranan Masjid sebagai Pusat Pendidikan. *Dewan Masyarakat*. <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my/2023/06/28/14996/>
- Borneo Online. (2023). Masjid pusat keilmuan, kecemerlangan umat Islam. <https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/05/masjid-pusat-keilmuan-kecemerlangan-umat-islam>
- Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiren, Kamarul Azmi Jasmi, Ajmain @ Jimain Safar dan Azhar Nuhammad. (2017). Membangun Potensi Masjid sebagai sebuah Institusi Pendidikan Islam

- dan Masyarakat. Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU). 3 (2), 46-58. <http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2018/04/TAMU-Vol-32-December-2017-5.pdf>.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2010). Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Masjid. https://library.oum.edu.my/repository/550/1/pengajaran_dan_pembelajaran.pdf
- Muhammad Talhah Ajmain dan Sharul Fitry Abdul Majid. (2019). Masjid Medium Masyarakat Berakhlak. https://www.researchgate.net/publication/341252344_Masjid_Medium_Pendidikan_Membina_Masyarakat_Berakhlak/link/5eb5831ca6fdcc1f1dcacea6/download?_tp=eyJjb250ZXh0Ijp7ImZpcnN0UGFnZSI6InB1YmxpY2F0aW9uIiwicGFnZSI6InB1YmxpY2F0aW9uIn19
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (2013). Peranan Perpustakaan Masjid dalam Pembangunan dan Kemajuan Umat Zaman Globalisasi (1). *Pengasuh*. Januari/Februari. Bil. 626: 11–17.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (2020). *Masjid dalam Islam: Sejarah, Peran dan Kedudukan*. Abdul Razak Mahmud (pngr). Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Noor Fiteri Abdullah. (2013). Masjid Mengendalikan Penginapan: Pilihan Alternatif kepada Industri Pelancongan. https://www.researchgate.net/publication/318672085_MASJID_MENGENDALIKAN_PENGINAPAN_PILIHAN_ALTERNATIF KEPADA INDUSTRI PELANCONGAN
- Nor Azlina Abd Wahab, Norafifah Ab. Hamid dan Norajila Che Man. (2017). . Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *E-Academia Journal*, 5(2). Retrieve from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/JeA/article/view/1520>
- Siti Halimah Putung dan Dg Hafizah Ag Basir. (2012). Masjid Negeri Sabah: Peranan dan Sumbangan Dalam Pembangunan Masyarakat Sabah. Dlm. *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*, hlm.443-454. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=68>
- Zulkiflee Haron, Mohd Nasir Ripin dan Farahwahida Mohd Yusof (2008). Masjid sebagai Institusi Pendidikan Sorotan Abad ke-3 H-5H. Dlm. Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi. *Fungsi dan peranan masjid dalam masyarakat Hadhari*, hlm1-19. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia Press.